

BIDANG KEPAKARAN

1. Kimia Analisis
(*Analytical Chemistry*)
2. Sensor/biosensor
(*Sensor/biosensor*)
3. Kimia Alam Sekitar
(*Environmental Chemistry*)

PROF. MADYA ChM. DR. TAN LING LING Ketua Jaminan Kualiti



PROFIL

Profesor Madya ChM. Dr. Tan Ling Ling adalah Ketua Jaminan Kualiti di Institut Alam Sekitar dan Pembangunan (LESTARI), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM). Beliau juga berkhidmat sebagai Felo Penyelidik Kanan dan Penyelaras Program Bencana Teknologi di Pusat Kajian Bencana Asia Tenggara (SEADPRI), LESTARI, UKM. Bidang kepakaran Dr. Tan dalam sensor kimia dan biosensor berasaskan bahan termaju dan bahan nano telah diaplikasi dalam pengurusan risiko bencana teknologi, seperti bahaya kimia dan bahaya biologi dalam makanan, persekitaran dan kesihatan manusia. Beliau telah berjaya membangunkan biosensor DNA/RNA optik dan elektrokimia bagi pengesanan virus RNA patogenik; aptasensor bagi penentuan insulin dan mikotoksin; sensor/biosensor bagi penentuan ion nitrit dalam sarang burung walit dan air persekitaran; biosensor halocarbon; sensor kimia optik bagi pengesanan ion logam serta biosensor optik kreatina dan fenilalanina menggunakan sistem sensor berskala nano bienzimatik bagi pemantauan kesegaran ikan. Penyelidikan beliau mendapat dana di peringkat universiti, kebangsaan dan antarabangsa adalah berjumlah RM1,111,350.41. D daripada peruntukan dana penyelidikan tersebut, beliau telah menghasilkan melebihi 50 penerbitan dalam jurnal Q1/Q2 terindeks dan berimpak faktor. Beliau telah dilantik sebagai Duta Harta Intelek di LESTARI bagi 3 kitaran bermula tahun 2017. Beliau mendapat Pensijilan GCP (Good Clinical Practice) daripada Jawatankuasa Penyelidikan Klinikal Kebangsaan, Biro Pengawasan Farmaseutikal Kebangsaan (BPFK) kerana etika dan kualiti saintifik yang diamalkan dalam melaksana, mendokumen dan melaporkan penyelidikan kajian klinikal yang melibatkan subjek manusia. Dr Tan juga sering dirujuk oleh pelbagai pihak dalam isu pembangunan bahan sensor kimia dan biologi. Beliau telah dijemput menjadi penceramah kepada kumpulan penyelidik dari Fotonik R&D, MIMOS Berhad. Dr. Tan merupakan salah seorang ahli dalam kumpulan kerja teknikal (KKT) biotoksin marin dan air tawar di bawah Jawatan Kuasa Analisis Makanan (JKAM) dalam membina prob DNA untuk spesies algae toksik. Dr. Tan juga dilantik sebagai Penasihat kepada Kumpulan Penyelidikan Sensor Kimia dan Biosensor; dan Kluster Kimia Sintetik untuk Sensor dan Kawalan Pencemaran (SynSorEn) di FST, UKM.